

# **PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI 2/2024**



***INSTITUT LATIHAN  
PERINDUSTRIAN JITRA***

**JABATAN TENAGA MANUSIA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

*We Train For Employability*

**INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN JITRA, KEDAH  
BANDAR DARULAMAN 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN  
TEL : 04-9161926 FAX : 04-9174508/04-9162367**

## SENARAI KEPERLUAN & BAYARAN BAGI PELAJAR BARU SESI 2/2024 INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP) JITRA

**Sila baca keperluan pelajar ini dan ambil tindakan yang sewajarnya semasa HARI PENDAFTARAN agar anda dapat memulakan pengajian anda di ILP JITRA dengan selesa.**

### 1. BAYARAN BAGI KEPERLUAN DAN AKTIVITI PELAJAR BARU SEPANJANG TEMPOH LATIHAN

Berikut adalah senarai keperluan dan aktiviti pelajar baru yang perlu dibayar semasa Hari Pendaftaran :

BIL	SENARAI KEPERLUAN & AKTIVITI PELAJAR	BAYARAN (RM)		
		PELAJAR ISLAM	PELAJAR NON MUSLIM	
1.	Aktiviti Ko-Kurikulum	80.00	80.00	
2.	Aktiviti Surau	20.00	-	
3.	Aktiviti Sukan / Riadah	30.00	30.00	
4.	Aktiviti Minggu Silaturahmi (MSR)	30.00	30.00	
5.	Aktiviti MPP / Pelajar	50.00	50.00	
		1 Thn	2 Thn	3 Thn
6.	Insurans (RM 30.25 setahun)	30.30	60.50	90.80
	<b>JUMLAH BAYARAN (RM) PELAJAR ISLAM</b>	<b>RM 240.30</b>	<b>RM 270.50</b>	<b>RM 300.80</b>
	<b>JUMLAH BAYARAN (RM) PELAJAR NON MUSLIM</b>	<b>RM 220.30</b>	<b>RM 250.50</b>	<b>RM 280.80</b>

**PERHATIAN**

**\* Kaedah Bayaran Perkara 1 adalah secara TUNAI semasa hari pendaftaran iaitu pada 22 Julai 2024 (Isnin)**

### 2. KEPERLUAN PELAJAR UNTUK LATIHAN DAN ASRAMA

Berikut adalah senarai keperluan pelajar yang juga **boleh didapati di institut** pada Hari Pendaftaran :

BIL	SENARAI KEPERLUAN	KUANTITI	HARGA (RM)
1.	Kad Pelajar	1	20.00
2.	Baju Korporat Latihan	1	70.00
3.	Jaket Latihan	1	65.00
4.	T-shirt Amali - Lelaki Lengan Pendek - Perempuan Lengan Panjang	1	35.00
5.	Safety Boot / kasut keselamatan	1	65.00
6.	Seluar Amali	1	55.00
7.	Fail Portfolio & Cover page	1	15.00
8.	Cadar & Sarung Bantal Asrama	1	35.00
9.	Dobi	1	80.00
<b>JUMLAH</b>			<b>440.00</b>

**PERHATIAN**

**\* Kaedah Bayaran Perkara 2 adalah secara TUNAI semasa hari pendaftaran iaitu pada 22 Julai 2024 (Isnin)**

### **3. KEPERLUAN / KELENGKAPAN PERIBADI**

Berikut adalah senarai keperluan / kelengkapan peribadi yang perlu disediakan secukupnya oleh setiap pelajar sepanjang pengajian :

- i. Seluar track (lelaki & perempuan) \* **sekurang-kurangnya 2 helai**
- ii. Baju T Shirt berkolar (warna hitam/biru gelap) untuk lelaki berlengan pendek dan perempuan berlengan panjang \* **sekurang-kurangnya 2 helai**
- iii. Sepasang Baju Melayu beserta sampin dan songkok berwarna bebas (lelaki Muslim)
- iv. Baju Kurung warna bebas (perempuan Muslim & Non-Muslim) dan tudung untuk pelajar muslim sahaja
- v. Kasut sukan (lelaki & perempuan),
- vi. Barang-barang keperluan harian di asrama seperti ;
  - Pakaian harian
  - Bantal
  - Tuala
  - Selimut
  - Penyangkut baju
  - Baldi
  - Selipar tandas
  - Barang keperluan kebersihan diri
  - Mangga kunci
  - Keperluan lain difikirkan perlu
- vii. Keperluan semasa latihan seperti kalkulator scientific, buku tulis, alat tulis, fail dll.

### **4. PEMERIKSAAN PERUBATAN BAGI PELAJAR BAHARU**

Pelajar hendaklah membuat pemeriksaan kesihatan sendiri di pusat Perubatan Kerajaan atau Pusat Perubatan Swasta **SEBELUM TARIKH HARI PENDAFTARAN**. Pelajar yang gagal mengemukakan dokumen laporan perubatan yang lengkap / memalsikan / meminda, boleh diambil tindakan ditamatkan dari institut ini.

### **5. PERTUKARAN TEMPAT DAN BIDANG**

- i. Tawaran kursus dan tempat latihan adalah MUKTAMAD. Sebarang rayuan pertukaran kursus dan tempat latihan tidak akan dilayan.
- ii. Jabatan berhak menarik balik tawaran bila-bila masa atau menyingkir bakal pelajar pada satu-satu masa sepanjang tempoh latihan jika didapati kenyataan dan maklumat yang diberi adalah palsu.

## 6. SILA BAWA BERSAMA :

- i. **Dokumen Asal dan tiga (3) salinan Kad Pengenalan**
- ii. **Satu salinan Surat Tawaran, Sijil/Slip SPM, Sijil Berhenti Sekolah dan sijil-sijil lain yang berkaitan**
- iii. **Borang Pemeriksaan Perubatan, Borang Pendaftaran Pelajar, Borang Maklumat Ibulbapa, Borang Pendaftaran Asrama, Borang Akujanji Pelajar dan Borang Lepas Tanggung** Untuk Mengikuti Kursus Kemahiran Di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia (yang telah lengkap di isi).
- iv. Satu (1) Salinan Slip gaji ibu bapa / borang pengesahan pendapatan
- v. Empat (4) keping gambar berukuran pasport (perempuan muslim bertudung, lelaki berambut pendek dan kemas)

## 7. ETIKA BERPAKAIAN SEMASA HARI PENDAFTARAN

- i. Baju kemeja putih (lengan pendek @ lengan panjang ) - pelajar lelaki
- ii. Seluar **Slack (hitam @ warna gelap)**
- iii. Baju kurung (warna bebas) - pelajar perempuan
- iv. Rambut pendek dan kemas (pelajar lelaki), rambut kemas (pelajar perempuan non-muslim) **dan** kasut bertutup

## 8. Untuk Anak Kedah (dilahirkan/bermastautin) : Diminta sediakan dokumen berikut bagi tujuan permohonan zakat kedah (DERMASISWA)

- i. Salinan Kad Pengenalan Pelajar
- ii. Salinan Kad Pengenalan Waris/Penjaga
- iii. Salinan Surat Tawaran

**SENARAI SEMAK DOKUMEN-DOKUMEN YANG PERLU DISEDIAKAN SEBELUM HARI  
PENDAFTARAN**

BIL	DOKUMEN-DOKUMEN	KUANTITI	CATATAN
1	Borang Pendaftaran Pelajar yang telah lengkap diisi (beserta gambar)	1	
2	Borang Maklumat Ibubapa yang telah lengkap diisi	1	
3	Borang Pendaftaran Asrama yang telah lengkap diisi (beserta gambar)	1	
4	Borang Pemeriksaan Perubatan yang telah lengkap diisi dan disahkan oleh Pegawai Perubatan yang bertauliah	1	
5	Borang Akujanji Pelajar	1	
6	Borang Lepas Tanggung	1	
7	Salinan Surat Tawaran ke ILJTM	1	
8	Salinan Kad Pengenalan Pelajar	3	
9	Salinan Sijil SPM/Slip Keputusan SPM	2	
10	Gambar ukuran passport	2	
11	Bagi Pelajar Kurang Upaya (OKU), sila sertakan bersama : iv. Salinan Kad Pengenalan v. Salinan Kad OKU	1	
12	Bawa wang tunai untuk bayaran yuran pendaftaran sebanyak <b>RM 740.80 (pelajar islam)</b> <b>RM 720.80 (pelajar non muslim)</b>	1	

- **Perkara Bil. 7, 8 & 9 perlu disahkan oleh pegawai kerajaan kumpulan A**

**SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN ZAKAT KEDAH (DERMSISWA)**

<b>BIL</b>	<b>DOKUMEN-DOKUMEN</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>CATATAN</b>
1	Salinan Surat Tawaran ke ILJTM	1	
2	Salinan Kad Pengenalan Pelajar	1	
3	Salinan Kad Pengenalan Waris	1	